

## BAB II

### BIOGRAFI ABDUL RA'UF AL-SINGKILI

#### 2.0. Pendahuluan.

Abad XVII di wilayah Nusantara telah berdiri kerajaan Islam yang kukuh iaitu kerajaan Aceh Darussalam. Ia adalah satu daripada lima kerajaan Islam terbesar yang sangat berpengaruh.<sup>1</sup> Pada abad ini kerajaan Aceh Darussalam dipimpin oleh seorang raja perempuan. Dalam melaksanakan tugasnya seorang raja didampingi oleh *QÉli al-MÉlik al-'Ódil*. Pada masa tersebut Al-Singkili telah berkhidmat sebagai *QÉli*. Nama sebenar beliau adalah Abdul Ra'uf. Beliau adalah ulama prolifik yang memiliki banyak karya dalam pelbagai bidang keIslamam.

Bahagian ini akan cuba mengkaji secara lebih mendalam mengenai ketokohan Al-Singkili dan sumbangannya dalam bidang hadith. Ketokohan beliau akan cuba dikaji melalui pemikiran beliau yang terkandung dalam karya-karya yang telah dihasilkan. Mengenai sumbangan Al-Singkili dalam bidang hadith akan difokuskan kepada aspek penulisan Hadith dan pandangan beliau terhadap hadith. Kajian akan cuba dilakukan terhadap beberapa karya beliau. Namun sebelum itu, akan didedahkan terlebih dahulu mengenai keadaan sosial masyarakat dan riwayat hidup beliau.

---

<sup>1</sup> Lihat Wilfred Cantwell Smith (1957) *Islam in Modern History*, New Jersey: Princeton University Press, h. 38.

## **2.1. Keadaan Sosial Masyarakat Zaman Al-Singkili.**

Bahagian ini akan cuba melihat keadaan sosial masyarakat pada masa Al-Singkili. Antara aspek yang akan menjadi perhatian adalah tentang isu sosial politik dan keagamaan. Ini penting sebelum mengetahui riwayat hidup Al-Singkili dan ketokohan beliau.

### **2.1.1. Keadaan Sosial Politik**

Setelah mendapatkan ijazah dari gurunya Ibrahim al-Qurani, Al-Singkili kembali ke tanah kelahirannya, Aceh. Pada masa itu telah tercetus konflik tentang pelantikan kaum perempuan sebagai raja. Kaum lelaki keturunan Sultan Aceh menganggap bahawa pelantikan tersebut tidak sah. Kerana pelantikan seorang pemimpin dari kaum perempuan adalah melanggar syariat Islam. Sebagaimana dalam syariat Islam seseorang perempuan tidak boleh menjadi imam dalam solat jamaah yang terdapat maknum lelaki.<sup>2</sup>

Mereka juga berpendapat bahawa pelantikan perempuan menjadi seorang pemimpin adalah bertentangan dengan Hadith Rasul *Shalallahu Alaihi wa Sallam* yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada Abu Bakr yang berbunyi;

لَنْ يُفْلِحْ قَوْمٌ وَلَوْ امْرَهُمْ اِمْرَأَةٌ

Bermaksud; Tidak akan bertuah suatu kaum (umat) manakala mereka menyerahkan urusan mereka untuk dipimpin oleh perempuan.

Selain itu pendapat mereka juga didukung oleh ulama'-ulama' mazhab Syafi'i.

Kepemimpinan Tajul Alam Safiatuddin – Sultanah Kerajaan Aceh pada saat itu – merasa terancam kerana dengan penentangan yang berlaku. Dengan pengaruh dankekayaan serta kekuatan tenteranya, maka diadakan perlawanan terhadap para

---

<sup>2</sup> Syahrizal Abbas (2008) *Corak Pemikiran Hukum Islam Syeikh Abdurrauf As-Singkili; Studi terhadap kitab Mir'at al-Thullab tentang hakim perempuan*, Banda Aceh: Yayasan Pena, h. 28.

penentangnya. Sehingga terjadilah peristiwa berdarah yang telah menyebabkan tertewasnya seorang ulama' yang bernama Faqih Hitam.<sup>3</sup> Konflik ini kemudian berterusan dan mengancam ketenangan masyarakat. Sehingga akhirnya, dengan pandangan-pandangan Al-Singkili, maka perdamaian berlaku antara kedua belah pihak.

### **2.1.2. Keadaan Sosial Keagamaan**

Selain daripada masalah politik, kedatangan Al-Singkili di Aceh juga disambut dengan konflik keagamaan. Konflik ini berpunca daripada perbezaan pemahaman tentang doktrin *wujudiyah*. Ianya berpunca daripada tuduhan yang dilemparkan oleh Nuruddin Al-Raniri terhadap ajaran Hamzah Fansuri. Nuruddin Al-Raniri berpendapat bahwa ajaran-ajaran Hamzah Fansuri adalah sesat.

Sebagaimana yang dicatatkan dalam karyanya *Hujjah al-Siddiq li Daf'i Al-Zindiq*, Nuruddin Al-Raniri menuduh ajaran Hamzah Fansuri dengan lima tuduhan<sup>4</sup>. Antaranya;

1. Ajaran Hamzah Fansuri tentang hubungan Tuhan, manusia dan alam adalah sama dengan ajaran para ahli falsafah, ajaran para Zoroaster, ajaran reinkarnasi dan ajaran Brahmana.
2. Kepercayaan Hamzah Fansuri adalah panthaistik yang menganggap bahawa esensi Tuhan adalah *immanent*.
3. Hamzah Fansuri sebagaimana para ahli falsafah percaya bahawa Tuhan adalah *simple being*.
4. Hamzah Fansuri sebagaimana mazhab Qadariah dan Muktazilah percaya bahawa al-Qur'an adalah makhluk.
5. Hamzah Fansuri sebagaimana ahli falsafah percaya bahawa alam adalah kekal.

<sup>3</sup> H. M. Zainuddin (1961) *Tarich Atjeh dan Nusantara*, Medan: Pustaka Iskandar Muda, h. 406.

<sup>4</sup> Lihat, Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1966) *Raniri And The Wujudiyah of 17<sup>th</sup> Century Aceh*, Singapore: Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, h. 18.

Dengan lima tuduhan tersebut Nuruddin Al-Raniri memfatwakan bahawa pengikut Hamzah Fansuri adalah kafir dan darahnya adalah halal. Fatwa tersebut membawa kepada pembakaran buku-buku Hamzah Fansuri. Pembakaran dilakukan di depan masjid Bait Al-Rahman.<sup>5</sup> Keadaan ini mengakibatkan ketenteraman hidup masyarakat terganggu. Sehingga akhirnya ajaran-ajaran Al-Singkili mampu mendamaikan konflik tersebut.

## 2.2. Riwayat Hidup al-Singkili

Bahagian ini akan menyatakan tentang riwayat hidup Al-Singkili yang dimulakan dengan nama dan gelarannya, kelahirannya, keluarganya, pendidikannya, guru-gurunya dan murid-muridnya.

### 2.2.1. Nama dan Gelarannya

Nama sebenar Al-Singkili adalah Abdul Ra'uf. Menjadi suatu tradisi di kalangan para ulama, menambah nama mereka gelaran penghormatan dan juga gelaran identiti. Setelah dilihat daripada beberapa karya Al-Singkili, terdapat berbagai-bagai gelaran yang berbeza-beza. Seperti;

1. Syeikh Abd al-Ra'uf<sup>6</sup>
2. Abd al-Ra'uf bin Ali Al-JÉwÊ<sup>7</sup>
3. Syeikh Abd al-Ra'uf ibn Ali<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Zakaria Ahmad (t.t.) *Sekitar Kerajaan Atjeh dalam tahun 1520-1675*, Medan: Penerbit Monora, h. 115.

<sup>6</sup> Lihat, Kolofon MSS. 2457 (A), MSS. 2510 (B), 2466 (J) BayÉn Tajalli, Kolofon MSS. 2466 (E) KifÉyah Al-MuhtÉjÊn, Kolofon MSS. 2967 DaqÉiq Al-×urËf, Kolofon MSS. 2979 (D) RisÉlah Al-MuhtÉjÊn. Perpustakaan Negara Malaysia.

<sup>7</sup> Dalam Tanbih Al-Masyi. Lihat, Oman Fathurrahman (1999) *Tanbih Al-Masyi Menyoal Wihdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*, Bandung; Mizan, h. 162-163.

<sup>8</sup> Kolofon MSS. 2465 *SyarÍ LaIËf 'alÉ Arba'Èna ×adÈthan lÊ Al-ImÈm Al-NawÈwÊ*, Kolofon MSS. 2843 Shakarah al-maut. Perpustakaan Negara Malaysia.

4. Syeikh Abd Ra'uf Atjeh Singkil<sup>9</sup>
5. Al-'Ólim Al-'ÓlÊ Al-WalÊ Al-FÉni fÊ Allah AmÊn Al-DÊn Abd Al-Ra'uf ibn Ali Al-JÉwi Al-FansËrÊ<sup>10</sup> dan
6. Al-'Ólim Al-'AlÉmah Al-BaÍr Al-FahhÉmah SyaikhunÉ wa MaulÉnÉ Abd Al-Ra'uf.<sup>11</sup>

Dari pada sekian banyak nama dan gelaran yang dinisbahkan kepada beliau, apabila digabungkan, maka nama dan gelaran beliau adalah Al-'Ólim Al-'AlÉmah Al-BaÍr al-FahhÉmah al-WalÊ al-FÉnÊ fÊ Allah SyaikhunÉ wa MaulÉnÉ Abd al-Ra'uf bin Ali al-JÉwÊ al-FansËrÊ al-SingkilÊ. Gelaran yang disandangkan kepada beliau menunjukkan kealiman, keluasan ilmu, ketaatan kepada Allah dan ketokohan beliau. Gelaran di belakang nama beliau menunjukkan identiti dan asal beliau. Al-Singkili merupakan bangsa Melayu di daerah Singkil, Fansur.

Dengan banyaknya gelaran yang disandang beliau, maka tidak hairanlah apabila beberapa pengkaji yang mengkaji tentang tokoh ini menyebut dengan nama dan gelaran yang berbeza. Contohnya, seperti Azyumardi Azra dan Piter Riddell menulis dengan Abd Ra'uf al-Singkili.<sup>12</sup> Selain itu, Rinkes menulis dengan Abdoerraoef van Singkel.<sup>13</sup> Dalam ensiklopedia tertulis Abd Al-Ra'uf Ali Al-JÉwÊ Al-FansËrÊ al-SingkilÊ.<sup>14</sup> Meskipun demikian maksud sebenarnya adalah sama.

---

<sup>9</sup> Kolofon MSS. 2581 (G) RisÉlah 'Ilmu Al-Tasawwuf. Perpustakaan Negara Malaysia.

<sup>10</sup> Kolofon MSS. 2992, MSS. 3316, MSS. 3508 Tarjuman Al-MustafÊd. Perpustakaan Negara Malaysia.

<sup>11</sup> Dalan Naskah *Mir'ah alÙullÉb*. Lihat, Peunoh Daly (2005) *Hukum Perkahwinan Islam; Suatu Kajian Perbandingan di Kalangan Ahlus-sunnah dan Negara-negara Islam*, Slangor: Thingker's Library Sdn. Bhd, h. 16.

<sup>12</sup> Azyumardi Azra (2005) *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Edisi Revisi, Jakarta: Prenada Media, h. 228. Peter G. Riddell (2001) *Islam and The Malay-Indonesia World; Transmission and Responses*, Singapore: Horizon Books, h. 125.

<sup>13</sup> DA. Ringkes (1909) *Abdoerraoef van Singkel, Bijdrug tot de Kennis van de Mystiek op Sumatra en Java*, Heerlen: Hepkema, h. 22, juga Syamsul Bahri (2004) *Op.Cit.*, h. 12.

<sup>14</sup> Syamsul Bahri (2004) *Op.Cit.*, h. 12.

## **2.2.2. Kelahirannya**

Terdapat perbezaan pendapat mengenai tahun kelahiran Al-Singkili. Pendapat pertama, yang telah diberikan oleh Ringkes. Dengan menghitung ke belakang sejak kembalinya ke Aceh, didapati bahawa Al-Singkili dilahirkan pada 1615 M.<sup>15</sup> Pendapat kedua, oleh H. A. R. Gibbs, dengan mengira sejak kembalinya Al-Singkili ke Aceh, didapati bahawa Al-Singkili dilahirkan pada 1620 M.<sup>16</sup>

Kedua-duanya (Ringkes dan Gibbs) bersepakat menyatakan bahawa kebiasaannya masyarakat pada masa itu merantau antara umur 25 hingga 30 tahun. Tetapi terdapat perbezaan ketika Gibbs menambah tiga tahun yang mana kemungkinan Al-Singkili menetap di Madinah untuk mengajar Tarekat Shathariyah. Tiga tahun tersebut tidak termasuk sembilan belas tahun Al-Singkili mempelajari ilmu keislaman. Tambahan pula, menurutnya usia masyarakat pada saat itu tidak lebih dari 70 tahun.<sup>17</sup> Di luar polemik tersebut, Azra menganggap bahawa pendapat Ringkes lebih diterima oleh beberapa ahli tentang Al-Singkili.<sup>18</sup>

## **2.2.3. Keluarganya**

Melihat kepada gelarannya yang disebut *al-JÉwÈ* maka dapat dipastikan bahawa beliau bermastautin atau dilahirkan di kepulauan Melayu.<sup>19</sup> Pendapat lain menyatakan gelaran tersebut nisbah kepada ibunya yang merupakan keturunan Melayu. Pernyataan kedua kemungkinan ada kebenarannya. Ini kerana ibu Al-Singkili adalah wanita Melayu yang telah dinikahi oleh Ali, yang merupakan keturunan Persia.<sup>20</sup>

---

<sup>15</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 229.

<sup>16</sup> Lihat, Syamsul Bahri (2004) *Op.Cit.*, h. 13.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 230.

<sup>19</sup> Istilah jawi dipopulerkan oleh Ibn Batutah untuk seluruh negeri dibawah angin seperti pulau Sumatera, Kalimantan, Sulawesi, Semenanjung Melayu sampai syahru nawi iaitu siam dan Pilipina. Lihat, Hamka “Serambi Makkah” dalam *Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, jilid 1, di Aceh Timur tanggal 25-30 September 1980, h. 1

<sup>20</sup> Azumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 230. Bandingkan dengan Poenoh Daly (2005) *Op.Cit.*, h. 15.

Kehadirannya di Aceh adalah disebabkan kerana sejak abad XIII nenek moyangnya telah berada di Samudera Pasai. Ketika itu Pasai telah menjadi pelabuhan kapal-kapal besar dari Arab, Cina, Persia, dan lain-lain negara yang hendak singgah atau berdagang di kepulauan Nusantara.<sup>21</sup>

Ali Hasjmy berpendapat, ayahnya adalah saudara tua Hamzah Fansuri.<sup>22</sup> Namun pendapat tersebut masih diragui kerana tidak dijumpai bukti yang menunjukkan hubungan tersebut.<sup>23</sup> Kemungkinan hubungan antara keduanya adalah hubungan kekeluargaan. Nampak dari pendapat yang menyatakan bahawa nenek moyang al-Singkili adalah berasal dari Persia. Ia datang ke kesultanan Samudera Pasai pada akhir abad XIII dan menetap di Fansur. Sama dengan nenek moyang Hamzah yang berasal dari Persia. Apatah lagi Menurut Azra nama Al-Singkili sering disusuli dengan pernyataan "yang berbangsa Hamzah Fansuri".<sup>24</sup>

#### **2.2.4. Pendidikannya**

Pendidikan Al-Singkili bermula sejak beliau berada di Singkil iaitu di sekolah yang dibina oleh ayahnya sendiri. Menurut A. Hasjmy, ayah Al-Singkili iaitu Ali Al-Fansuri adalah seorang ulama' yang mendirikan Dayah Lipat Kajang di Simpang Kanan.<sup>25</sup> Kenyataan tersebut menguatkan pendapat bahawa Al-Singkili mula mendapat

---

<sup>21</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 230.

<sup>22</sup> Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 26. Poenoh Daly (2005) *Op.Cit.*, h. 17.

<sup>23</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 230.

<sup>24</sup> Azra sebenarnya masih tidak yakin dengan pendapatnya. Lihat, *Ibid.*, namun Oman menutup perdebatan tersebut dengan menyatakan bahwa maksud "yang berbangsa Hamzah Fansuri" adalah tidak bermaksud saudara Hamzah Fansuri akan tetapi bermaksud satu daerah dengan Hamzah Fansuri. Lihat Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 26. Bandingkan dengan P. Voorhoeve (1980) *Bayan Tajalli; Bahan-bahan untuk mengadakan penyelidikan lebih mendalam tentang Abdurra'uf Singkil*, Aboe Bakar, Aceh (terj.); Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, h. 3.

<sup>25</sup> M. Junus Djamil (1960) "Perjuangan Syaikh Abdur-Rauf Syiah Kuala Dalam Pembangunan Masyarakat kemanusiaan yang Berpengetahuan" dalam Anas M. Yunus Wijaya (ed.) (2009) *Gerak Kebangkitan Aceh; Kumpulan Karya Sejarah M. Junus Djamil*, Bandung: Bina Biladi Press, h. 303.

pendidikan di institusi yang didirikan oleh ayahnya.<sup>26</sup> Setelah menyelesaikan pelajarannya beliau melanjutkan pelajarannya di pusat bandar, iaitu Banda Aceh.

Kemungkinan Al-Singkili melanjutkan pengajian ke Banda Aceh disebabkan keadaan masyarakat pada saat tersebut. Jarak antara Barus dengan Singkil adalah 60 km. Barus pada awal kedatangan Islam banyak disinggahi oleh para saudagar dan juga para ulama.<sup>27</sup> Namun begitu, semasa kejayaan kerajaan Aceh Darussalam sebahagian ulama berpindah dan berkumpul di Banda Aceh. Tambahan pula, Iskandar Muda pada masa tersebut telah membangun lembaga-lembaga dan pusat ilmu pengetahuan<sup>28</sup>. Oleh yang demikian, adalah wajar apabila Al-Singkili dihantar untuk menimba ilmu dengan ulama'-ulama' dalam negara dan juga luar negara.

Dikatakan bahwa Al-Singkili pernah belajar dangan Hamzah Fansuri dan juga Syamsuddin Al-Sumatrani. Namun Azra meragui pendapat tersebut. Ini kerana tidak terdapat bukti tentang kenyataan tersebut. Malah pendapat tersebut diragui kerana Hamzah Fansuri telah meninggal dunia pada tahun 1607 M, sedangkan pada masa itu Al-Singkili belum dilahirkan. Mengenai kemungkinan pengajiannya dengan Syamsuddin juga diragui oleh Azra.<sup>29</sup>

Semasa Al-Singkili belajar dengan beberapa ulama di Banda Aceh, beliau mula mengenal jaringan ulama Timur Tengah yang telah mendorongnya untuk meninggalkan Aceh bagi meneruskan pengajian di pusat pengajian Islam Timur Tengah. Perjalanan beliau menuju pusat pengajian Islam Timur Tengah merupakan episod baru

<sup>26</sup> Bandingkan, Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 231. juga Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 27.

<sup>27</sup> Hamka "Serambi Makkah" dalam dalam Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara, jilid 1, di Aceh Timur tanggal 25-30 September 1980, h. 2.

<sup>28</sup> Tentang fakulti-fakulti dalam al-Jami'ah Bait Al-Rahman lihat, Abdullah Ishak (t.t.) *Islam di Nusantara khususnya di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: (t.p.). tentang kegiatan keilmuan lihat, A. Hasjmy "Banda Aceh Darussalam Pusat Kegiatan Ilmu dan Kebudayaan" dalam Isma'il Suny (1980) *Op.Cit.*, h. 210.

<sup>29</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 231.

pengembaraan ilmunya. Pengembaraan tersebut kemudiannya dirangkumkan dalam karyanya yang bertajuk *Umdah al-MuhtÉjÉn*.<sup>30</sup>

Sejarah baru perjalanan Al-Sangkili menuju ilmu hakikat yang dicatat dalam salah satu karyanya telah dikisahkan dengan sangat baik oleh Azra.<sup>31</sup> Daripada penjelasan tersebut dapat dilihat bahawa Al-Singkili tidak sekadar menuju Makkah dan Madinah yang merupakan destinasi utama perjalannya dalam mempelajari ilmu hakikat (*esotoris*), tetapi Al-Singkili terlebih dahulu membekalkan dirinya dengan ilmu-ilmu syari'ah (*eksoteris*) yang diperolehnya di beberapa negara seperti Doha wilayah Teluk Persia, Yaman dan Jeddah hingga beliau mampu menyelaraskan kedua-dua ilmu tersebut.

#### **2.2.5. Guru-Gurunya**

Al-Singkili telah mengharungi kehidupan ilmiahnya selama 19 tahun daripada seorang guru kepada guru yang lain. Dicatatkan daripada 19 ulama beliau belajar langsung dengannya dan dengan 27 ulama' lain beliau mempunyai hubungan peribadi. Guru-guru tersebut ditemui beliau semasa perjalanannya dari Doha ke destinasinya, Madinah. Pada tahun 1642M Al-Singkili bertolak dari Aceh menuju kota Doha Qatar, beberapa gurunya adalah Abdul Qadir Al-Mawrir. Menurut Azra persinggahan al-Singkili di Doha hanya sebentar.<sup>32</sup>

Persinggahan seterusnya adalah kota Yaman. Azra melihat dua kota yang dijadikan Al-Singkili sebagai tujuan utama beliau di Yaman iaitu Bait al-Faqih dan Zabid, kerana kedua-dua kota tersebut merupakan pusat pengajian Islam. Di dua kota tersebut Al-Singkili menuntut daripada tiga orang guru yang. Ulama' yang dikenali Al-

<sup>30</sup> ML. 302 UmdÉt Al-MuhtÉjÉn, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

<sup>31</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 234. Bandingkan dengan Peunoh Daly (2005) *Op.Cit.*, h. 17. Juga Peter G. Riddell (2001) *Op.Cit.*, h. 126.

<sup>32</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 234.

Singkili di Zabid lebih banyak jika dibandingkan dengan di Bait al-Faqih. Daripada aspek kepakaran ilmunya, di Bait al-Faqih Al-Singkili banyak belajar mengenai hadith dan beberapa ilmu yang berkaitan dengannya. Salah seorang daripada gurunya iaitu Ibrahim bin 'Abdullah ibn Ja'man (w. 1672 M) merupakan seorang *mu'addith* dan ahli fiqh<sup>33</sup>. Namun begitu, di Zabid, Al-Singkili lebih banyak menimba ilmu Al-Qur'an. Seorang lagi guru Al-Sangkili, 'Abd Allah bin Muhammad al-'Adani, merupakan seorang *qāri'* al-Qur'an terbaik wilayah itu.<sup>34</sup>

Persinggahan seterusnya selepas Yaman adalah Jeddah. Di sana Al-Singkili hanya singgah sebentar kerana hanya terdapat seorang sahaja guru yang beliau belajar daripadanya. Guru tersebut ialah Abd al-Qadir al-Barkhali yang menjawat jawatan sebagai mufti Jeddah pada masa tersebut. Kemudian Al-Singkili meneruskan perjalanannya menuju ke Makkah. Di sana Al-Singkili memperluaskan pengetahuannya tentang ilmu *eksatorik* sebelum beliau yakin untuk menimba ilmu *esotorik* di destinasi terakhir perjalanan ilmiahnya. Beliau belajar dengan Ali bin Abd al-Qadir al-'Uabari yang merupakan seorang faqih terkemuka di Makkah. Selain itu, Al-Singkili juga memiliki guru-guru lain dan beberapa ulama kenalan.<sup>35</sup>

Perjalanan ilmiah Al-Singkili merupakan suatu perjalanan yang panjang untuk sampai ke puncak keilmuan, iaitu ilmu hakikat. Ilmu tersebut diperolehi setelah sampai di Madinah dan berjumpa dengan guru utamanya, iaitu Ahmad Al-Qushashi. Pemahaman beliau tentang ajaran Al-Qushashi sangat mendalam. Ini kerana kesungguhan beliau dalam menimba ilmu. Di samping itu, kefahaman beliau tentang ilmu syari'ah yang telah dikuasai terlebih dahulu. Maka tidak hairanlah apabila sebelum kematian gurunya, Al-Singkili telah dipilih sebagai khalifah tariqah *shāfi'iyyah* dan

<sup>33</sup> Amir bin Fa'il Allah Al-Muhibbi (t.t.) *KhulÉshah al-AtsÉr fÈ a'yÉn al-qarni al-ÍÉdi 'ashar*, jilid 1, Beirut: Maktabah Hiyat, h. 21-22.

<sup>34</sup> Mengenai guru dan kenalan Al-Singkili di wilayah ini lebih lanjut lihat Azyumardi Azra. *Op.Cit.*, h. 234.

<sup>35</sup> *Ibid.*

*QÉdiriyyah* oleh Al-Qushashi. Seterusnya Al-Sangkili diutus kembali ke kampung halamannya untuk mengajarkan tariqat tersebut. Al-Sangkili juga juga telah mengajar di Madinah sebelum kembali ke Aceh.<sup>36</sup>

### 2.2.6. Murid-Muridnya

Selain menjawat jawatan sebagai Qadhi kerajaan Aceh Darussalam, Al-Singkili juga mengajar ajarannya kepada masyarakat. Azra melihat bahawa ajaran Al-Singkili bukanlah hanya untuk masyarakat berpengetahuan tinggi tetapi juga untuk masyarakat awam.<sup>37</sup> Antara pengajaran beliau adalah tentang tariqah *shaĀariyyah*.<sup>38</sup> Al-Singkili telah berjaya melahirkan murid-murid yang mampu memindahkan ilmunya kepada masyarakat di samping melanjutkan pengajarannya.

Antara murid beliau yang terkenal di kalangan masyarakat Sumatera Barat adalah Burhanuddin Ulakan.<sup>39</sup> Setelah belajar daripada Al-Singkili, Burhanuddin Ulakan kembali ke Ulakan dan mendirikan institusi pendidikan di Ulakan.<sup>40</sup> Kemudiannya, institusi tersebut menjadi sebuah institusi yang sangat berautoriti di Ulakan dan ramai murid yang datang dari daerah lain untuk belajar di situ. Pelajar-pelajar tersebut kemudiannya megajarkan ilmu yang mereka peroleh kepada masyarakat di kampung halaman mereka.<sup>41</sup>

---

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 250.

<sup>38</sup> Lihat, Martin Van Bruinessen (1995) *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat:Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mizan, h: 193. Juga Nor Huda (2007) *Islam Nusantara; Sejarah Sosial Intelektual Islam di Indonesia*, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, h. 291. Juga Abdurrahman Haji Abdullah (1990), *Op.Cit.*, h. 163

<sup>39</sup> Ia masyhur dengan sebutan Syeikh Burhanuddin Ulakan. Nama aslinya adalah pono anak Sipampak anak orang Pariangan Padang Panjang yang menyebarkan Islam di Ulakan. Manakala Syeikh adalah gelaran bagi orang alim. Sedangkan Burhanuddin adalah gelaran agama yang diberikan guru kepada muridnya. Burhan bermaksud penjelasan. Al-Din bermaksud agama. Maka Burhan al-Din bermaksud penjelasan agama. Lihat, Hamka (1974) *Antara Fakta dan Khayal "Tuanku Rao"*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 145-157

<sup>40</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 257. Bandingkan, Wan Mohd Shaghir Abdullah (1999) *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, jilid 5, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 38.

<sup>41</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 257.

Di pulau jawa, terdapat murid Al-Singkili yang bernama Abd al-Muhyi. Abd al-Muhyi berjaya mempengaruhi masyarakat jawa. Pendidikan yang diperolehnya secara langsung daripada Al-Singkili sebelum keberangkatannya menunaikan ibadah haji digunakan untuk merubah kepercayaan kaum *animisme* yang berada di daerah Karang, Pamijahan, Jawa Barat. Selain dari itu Abd Al-Muhyi juga sangat aktif dalam mengajarkan thariqat *sha'ariyyah*.<sup>42</sup>

Selain di Sumatera dan di Jawa terdapat juga murid Al-Singkili yang berasal dari semenanjung Malaysia, iaitu Terengganu. Murid tersebut adalah Syeikh Abdul Malik Abdullah atau lebih dikenali dengan Tok Pulau Manis. Beliau adalah pengasas pendidikan secara sistematik pada abad XVII.<sup>43</sup> Beliau telah berguru dengan Al-Singkili sejak sebelum keberangkatannya ke Makkah dan Madinah. Maka apabila Syeikh Abdul Malik Abdullah berada di Madinah, beliau menuntut ilmu daripada Ibrahim al-Kurani.<sup>44</sup> Syeikh Abdul Malik Abdullah juga telah menyalin *Tarjuman Al-Mustafâd* karya Al-Singkili untuk dibawa pulang ke Terengganu.<sup>45</sup>

Selain itu, Al-Sangkili juga mempunyai seorang murid yang berasal dari Turki. Istimewanya murid tersebut, sehingga Al-Singkili mencantumkan nama murid tersebut dalam karya tafsirnya. Murid tersebut adalah Dawud al-Jawi Aal-Fansuri bin Ismâ'il bin Agha 'Ali al-Râ'î. Penghargaan Al-Singkili kepada Dawud Aal-Jawi al-Fansuri bin Ismâ'il bin Agha 'Ali Al-Râ'î adalah disebabkan kepandaianya. Maka Al-Singkili telah mengamanahkan kepada beliau untuk menambahkan sisipan tentang

<sup>42</sup> Azyumardi Azra (2005) *Ibid.*, h. 257. Juga Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1999) *Op.Cit.*, h. 46-47.

<sup>43</sup> Mustaffa Abdullah (2009) *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Malaysia: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.47.

<sup>44</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 258. Bandingkan, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1999) *Op.Cit.*, h. 18.

<sup>45</sup> Mustaffa Abdullah (2009) *Op.Cit.*, h. 50.

<sup>46</sup> Lihat Kolofon MSS. 2992, MSS. 3316, MSS. 3508 Tarjuman Mustafâd. Perpustakaan Negara Malaysia.

keragaman bacaan yang terdapat pada beberapa ayat al-Qur'an. Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila Al-Singkili memberikan penghargaan tersebut.<sup>47</sup>

### **2.3. Ketokohan Al-Singkili**

Setelah diketahui keadaan sosial masyarakat Aceh dan riwayat hidup Al-Singkili, maka pada bahagian ini akan cuba didedahkan ketokohan beliau dalam ilmu-ilmu keIslam. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Azumardi Azra, "Al-Singkili adalah intelektual sejati yang produktif dalam menghasilkan karya-karya berbobot".<sup>48</sup>

#### **2.3.1. Bidang Tasawuf**

Ketokohan al-Singkili dalam bidang tasawwuf tidak dapat diragui lagi. Ini terbukti ketika beliau sampai di Aceh setelah 19 tahun mengembara ilmu, di mana beliau mampu menyelesaikan konflik *wujudiah*. Konflik yang berpunca daripada ajaran wihdatul wujud ini telah pun memecahbelahkan umat Islam. Bahkan lebih buruk lagi apabila konflik tersebut menyebabkan pengikutnya dihukum sebagai kafir. Hingga karya-karya yang dianggap beraliran wujudiyah dibakar. Seperti karya-karya Hamzah Al-Fansuri yang dianggap sebagai guru dan penyebar ajaran tersebut.<sup>49</sup>

Dalam kes ini al-Singkili cuba memberikan penjelasan dengan bahasa yang mudah dan baik. Sehingga terhindar daripada bahaya syirik. Seperti ketika beliau menjelaskan mengenai hubungan Tuhan dan alam. Beliau menyatakan bahwa alam ini adalah bayang-bayang Tuhan yang nampak dengan adanya perantara (ilmu Tuhan).

<sup>47</sup> Azyumardi Azra (2005) *Op.Cit.*, h. 259. Bandingkan Pitter G. Riddell (2001) *Op.Cit.*, h. 162. juga Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1999), *Op.Cit.*, h. 25.

<sup>48</sup> Azyumardi Azra "TanbÊh Al-MÉshÊ; Otentisitas Kepakaran Abdurrauf Singkel" dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 15.

<sup>49</sup> Lihat lima tuduhan kafir terhadap ajaran Hamzah Fansuri dalam bahagian Isu Keagamaan bab ini halaman 23.

Seperti mana bayang-bayang dalam cermin, iaitu zat pemilik bayang-bayang adalah berbeza dengan bayang-bayang dalam cermin walaupun tidak boleh terpisah antara kedua-duanya. Atau pun dalam gerak tangan, iaitu gerak dan tangan adalah berbeza esensinya.<sup>50</sup> Selain itu, beliau menolak pernyataan yang menyatakan bahwa *al-Kullu huwa al-Haq* (Segala sesuatu ini adalah Haq Tuhan).<sup>51</sup> Pendapat ini adalah pendapat mereka yang menganut ajaran *wujudiyah*. Sepertimana analogi Hamzah Fansuri mengenai hal ini menyatakan;

Adapun dirinya itu sungguh [pun] beroleh nama dan rupa jua, haqiqatnya rupanya dan namanya tiada. Seperti bayang-bayang dalam chermin: rupanya dan namanya ada, [haqiqatnya tiada]... Maka hambaNya yang khass pun namanya mu'min. Jika demikian, sama-sama dengan Tuhannya, karena hamba tiada bercherai dengan Tuhannya. Dan Tuhan pun tiada bercherai dengan hamba-Nya.<sup>52</sup>

Sikap Al-Singkili terhadap ajaran *wujudiyah* yang dianggap mulhid kerana memberikan pandangan yang ekstrim mengenai isu hubungan Tuhan dengan alam adalah tidak radikal sebagaimana yang dilakukan oleh Nuruddin Al-Raniri pada masa tersebut. Al-Raniri menghukum penganut *wujudiah* sebagai kafir, bahkan memfatwakan supaya mereka di bunuh. Dalam hal ini Al-Singkili contohnya menyatakan;

...واحفظ لسانك من الغيبة و التكبير فإن فيهما خطرًا عظيمًا عند ربك الكبير.  
ولا تلعن أخاك المسلم فتكن من المجرميين يوم القيمة ولا تمدح أيضًا فتكن من المبغوضين أو من الدارين عنق أخيهم.

... peliharalah lidahmu dari ghibah (membicarakan orang lain) dan dari mengkafirkan orang lain, karena kepada keduanya terdapat dosa yang besar di sisi Tuhanmu yang Maha Agung; jangan engkau mengutuk saudaramu sesama muslim, karena hal itu akan menjerumuskan engkau menjadi golongan orang-orang yang berdosa pada hari kiamat, tetapi jangan pula engkau selalu memujinya, karena hal itu akan menjerumuskan engkau ke dalam golongan orang yang dimurkai Allah, atau golongan orang yang memenggal pundak saudaranya sendiri.<sup>53</sup>

<sup>50</sup> KifÉyah Al-MuhtÉjÉn MSS. 2466 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 88 rekto dan verso.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 89 rekto.

<sup>52</sup> *Al-Muntahi* dalam Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1970) *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 331.

<sup>53</sup> *TanbÉh Al-MÉshi* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 136, 137.

Bukti lain ketokohan beliau dalam bidang tasawwuf adalah kerana beliau telah mempelajari ilmu tasawwuf daripada seorang sufi besar yang hidup di Makkah iaitu Ahmad Al-Qushashi dan seorang sufi besar yang hidup di Madinah iaitu Ibrahim Al-Qurani. Daripada mereka berdua Al-Singkili mendapat sanad dan ijazah tariqah Sathariyah dan Qadariyah.<sup>54</sup> Berbekalkan ijazah tersebut Al-Singkili mengajarkan tariqat tersebut setelah kembali ke Aceh. Melalui murid-muridnya, tariqat tersebut tersebar ke seluruh Nusantara.<sup>55</sup>

Bukti lain ketokohan Al-Singkili dalam bidang tasawwuf adalah dengan hadirnya karya beliau dalam bidang tersebut. Antaranya;

1. Tanbâh al-Mâshâhâ al-Mansûb li l-Ùarâq al-Qushâshî. [Pedoman bagi orang-orang yang menempuh Tarekat Al-Qushashy]. Karya ini ditulis dalam bahasa Arab.
2. ‘Umdah Al-Muítâjîn li l-Sulâk Maslak Al-Mufarridîn. [Pijakan bagi orangg-orang yang menempuh jalan tasawwuf]. Bahasa Melayu.
3. Sullâm Al-Mustafiddîn. [Tangga setiap orang yang mencari faedah]. Bahasa Melayu.
4. Piagam tentang Dhikir. Bahasa Melayu.
5. Kifâyah Al-Muítâjîn ila Mashrab al-Muwaâlidîn al-Qâ'ilîn bi Al-Wahdah al-Wujûd. [Bekal bagi orang yang membutuhkan minuman ahli tauhid penganut wahdah al-wujud]. Bahasa Melayu.
6. Bayân Aghmâd Al-Mâsâ’il wa Al-Sifâ’ât Al-Wâjibah li Rabb Al-‘Ard wa Al-Samâ’ât. [Penjelasan tentang masalah-masalah tersembunyi dan sifat-sifat wajib bagi Tuhan, penguasa langit dan bumi]. Bahasa Melayu.
7. Bayân Tajalli. [penjelasan tajalli]. Bahasa Melayu.

---

<sup>54</sup> Lihat guru-guru Al-Singkili pada bab ini halaman 30.

<sup>55</sup> Lihat murid-mmurid Al-Singkili pada bab ini halaman 31 dan 32.

8. DaqÉiq Al-×urËf. [kedalaman makna huruf]. Bahasa Melayu.
9. RisÉlah Adab Murid Akan Shaikh. Bahasa Arab dan Melayu.
10. Munyah Al-I’tiqÉd. [cita-cita keyakinan]. Bahasa Melayu.
11. Bayan Al-ItlÉq. [Penjelasan makna istilah itlaq]. Bahasa Melayu.
12. RisÉlah A’yÉn Al-ThÉbitah. [Penjelasan tentang a’yan al-thabitah]. Bahasa Melayu.
13. Risalah jalan makrifatullah. [karangan tentang jalan menuju makrifat kepada Allah]. Bahasa Melayu.
14. RisÉlah MukhtaÎarah fÊ BayÉn ØurËt Al-Shaikh wa Al-MurÊd. [Karangan ringkas tentang sarat-sarat guru dan murid]. Bahasa Arab dan Melayu.
15. Faedah yang tersebut di dalamnya Kaifiyah mengucap Dhikir lailaha illa Allah. Bahasa Melayu.
16. Sha’ir Ma’rifah. Bahasa Melayu.
17. Otak Ilmu Tasawwuf. Bahasa Melayu.
18. Umdah Al-AnsÉb. [pohon segala nasab]. Bahasa Melayu.
19. ÏÉÍ Al-BayÉn fÊ TaÍqÉq MasÉil Al-AdyÉn. [Penjelasan bagi menyatakan masalah-masalah agama]. Bahasa Melayu.
20. Ta’yÊd Al-BayÉn Hashiyyah ÏÉÍ Al-BayÉn. [Penegasan penjelasan; catatan atas kitab Idah Al-Bayan]. Bahasa Melayu.
21. Lubb Al-Kashf wa Al-BayÉn li MÉ YarÉhu Al-Muhtadhar bi Al-I’yÉn. [hakikat penyingkapan dan penjelasan atas apa yang dilihat secara terang-terangan]. Bahasa Melayu.
22. Risalah simpan. [membahas aspek-aspek sembahyang secara mistis]. Bahasa Melayu.

23. Shařariyah [tentang ajaran dan tata cara dhikir tariqat Shatariyah]. Bahasa Melayu.<sup>56</sup>

Daripada fakta-fakta di atas, jelas menunjukkan bahawa Al-Singkili adalah seorang tokoh sufi Nusantara yang hidup pada Abad XVII. Azyumardi Azra telah memberikan gelaran ulama “neo sufi” kepada Al-Singkili yang telah menguasai ilmu shari’at disamping ilmu hakikat. Termasuk dalam golongan ulama ini adalah Imam Al-Qushairi dan Imam Al-Ghazali.<sup>57</sup>

### 2.3.2. Bidang Fiqh

Ketokohan Al-Sangkili dalam bidang fiqh jelas kelihatan ketika Al-Singkili berjaya menyelesaikan konflik pelantikan raja daripada kaum wanita. Keturunan lelaki Sultan Aceh telah menolak pelantikan raja daripada kaum wanita. Mereka berhujah bahawa perempuan tidak boleh menjadi raja karena bertentangan dengan syariat. Sebagaimana wanita tidak boleh menjadi imam dalam solat. Oleh yang demikian, wanita tidak sah menjawat sebagai *wali ‘am*.<sup>58</sup>

Dalam kes ini Al-Singkili mampu mendamaikan kedua-dua belah pihak dan beliau berpendapat bahawa Tajul Alam Sufiatuddin dapat dilantik menjadi Sultanah. Namun pelantikan tersebut dibatasi dengan beberapa syarat. Antaranya, untuk urusan nikah, talak, fasakh dan segala masalah yang berhubungan dengan agama tetap dipegang oleh seorang ulama yang bergelar sebagai al-QÉÌÈ al-MÉlik al-‘Ódil. Disebabkan itu Al-Singkili kemudian diangkat sebagai al-QÉÌÈ Al-MÉlik al-‘Ódil dan menyusun karyan beliau yang bertajuk *Mir’ah al-ÙullÉb*.<sup>59</sup>

<sup>56</sup> Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 29. Bandingkan, Wan Mohd. Shaghir (1991) *Op.Cit.*, h. 39, 40, 41.

<sup>57</sup> Azyumardi Azra (19 ) *Op.Cit.*, h.

<sup>58</sup> Syahrizal Abbas (2008) *Op.Cit.*, h. 29.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h.29

Bukti lain adalah peranan penting penting yang dimainkan oleh Al-Singkili melalui karya beliau iaitu Mir'ah Al-ÙullÉb dalam perkembangan ilmu fiqh di alam Nusantara ini. Ini kerana, Mir'ah al-ÙullÉb memberikan pemahaman baru tentang ilmu fiqh daripada pemahaman lama yang dipengaruhi oleh karya *al-SirÉzÊ* dan *Al-NawÉwÊ*.<sup>60</sup> Perbahasan dalam karya tersebut adalah mengenai bidang mu'amalah yang dijadikan sebagai panduan kepada sesiapa yang dilantik sebagai al-QÉÌÈ. Sebagaimana dalam Muqaddimahnya tercatat;

“Maka bahwasanya adalah hadrat yang maha mulia bersabda kepadaku daripada sangat lebihnya akan agama Rasulullah, bahawa kukarang baginya sebuah kitab dengan bahasa jawi yang dibangsakan kepada bangsa pasai yang muhtaj kepada orang menjabat jabatan Qadhi pada pekerjaan hukumnya daripada segala syarak Allah yang muktamad pada segala ulama yang dibangsakan kepada Imam Syafi'i r.a”.<sup>61</sup>

Kepiawaian Al-Singkili dalam menyusun karya ini menunjukkan kedalaman ilmu yang diperolehi beliau daripada beberapa orang gurunya yang juga dilantik sebagai mufti di beberapa negara seperti; Abd Al-QÉdir Al-Barkhali yang dilantik sebagai mufti Jeddah. Di samping itu, Ibrahim bin 'Abdullah ibn Ja'man (w. 1672 M) yang merupakan seorang *muÍaddith* dan ahli fiqh dan juga beberapa orang guru yang lain.<sup>62</sup>

Bukti lain mengenai ketokohan Al-Sangkili dalam bidang fiqh adalah kewujudan karya fiqh yang disandarkan kepada beliau. Oman Fathurrahman mencatat 10 karya yang disandarkan kepada beliau. Meskipun karya-karya tersebut masih perlu dibuktikan kebenarannya. Antara karya-karya fiqh yang disandarkan dengan beliau adalah;

<sup>60</sup> Karya tersebut adalah *MinhÉj Al-ÙalibÊn* karya Al-NawÉwÊ juga *al-Muhazzab* karya Al-SirÉzi. Lihat Sir Richard Winstedt “A History of Clasical Malay Literature” (1961) *Op.Cit.*, h. 112. Bandingkan Abdul Rahman Haji Abdulllah (1990) *Op.Cit.*, h. 121.

<sup>61</sup> Lihat, Wan Mohd. Shaghir Abdulllah (1999), *Op.Cit.*, h. 140. Juga, Peunoh Daly (2003) *Op.Cit.*, h. 35.

<sup>62</sup> Lihat guru-guru Al-Singkili pada bab ini halaman 30. Juga, *Ibid.*, h. 18 – 19.

1. Mir'ah al-ÙullÉb FÊ TashÊl Ma'rifah al-AÍkÉm al-Shar'iyyah ila al-MÉlik al-WahhÉb. [Cermin pada penuntut ilmu, untuk memudahkan mengetahui hukum-hukum shara' Tuhan]. Bahasa Melayu.
2. BayÉn Al-ArkÉn. [penjelasan rukun-rukun]. Bahasa Melayu.
3. BidÉyah Al-BalÊghah. [Permulaan yang sempurna]. Bahasa Melayu.
4. Majmu' Al-MasÉil. [kumpulan masalah]. Bahasa Melayu.
5. FatiÍah Sheikh Abd al-Ra'uf. [metode bacaan Al-fatihah shaikh Abd al-Ra'uf]. Bahasa Melayu.
6. TanbÊh Al-Ómil fÊ TahqÊq KalÉm Al-NawÉfil. [Peringatan bagi orang yang mentahqiqkan kalam sembahyang sunah]. Bahasa Melayu.
7. Sebuah huraian mengenai niat sembahyang. Bahasa Melayu.
8. WaÍiyah [tentang wasiat-wasiat Abdul Ra'uf kepada muridnya]. Bahasa Melayu.
9. Do'a yang dianjurkan oleh Sheikh Abdul Ra'uf Kuala Aceh. Bahasa Melayu.
10. Sakaratul Maut [Tantang hal-hal yang dialami manusia menjelang ajalnya]. Bahasa Melayu.<sup>63</sup>

Daripada fakta-fakta tersebut tidak diragui lagi bahawa Al-Singkili juga merupakan seorang ahli dalam bidang ilmu fiqh. Sehingga namanya mahsyur di wilayah Nusantara bahkan satu ungkapan yang masih kekal hingga saat ini yang menunjukkan ketokohan beliau adalah;

*Adat bak po teumeureuhom, hukum bak Syiah Kuala.  
Kanun bak putroe Phang, Reusam bak Laksamana.*

*Hukum ngon adat, Lagee zat ngon sifeut*

*Hukum adat ditangan raja, Hukum agama ditangan Syiah Kuala (ulama)  
Hak membuat undang-undang ditangan putri pahang (rakyat), kekuasaan darurat  
(dalam perang) ditangan laksmana sebagai panglima tertinggi angkatan perang.*

*Hukum agama dan adat seperti zat dan sifat<sup>64</sup>*

---

<sup>63</sup> Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 28.

<sup>64</sup> Fauziyah Nurdin (2005) "Posisi Abdurrauf Singkil Dalam Polemik Tasawuf di Aceh Abad ke 17 M; talaah berdasarkan Naskah DaqÉiq al-xurËf" dalam Agus Yahya *et. al. Doktrin Islam dan Studi*

### **2.3.3. Bidang Hadith.**

Mengatakan bahawa Al-Singkili adalah ahli hadith mungkin merupakan sesuatu yang melampau. Bahkan Al-Singkili bukanlah seorang *muhaddith*. Namun ketokohan yang dimaksudkan di sini adalah ketokohan daripada aspek perhatian beliau terhadap disiplin ilmu ini. Ketokohan beliau ini dilihat terhadap sumbangan beliau daripada aspek ilmu Hadith riwayat. Iaitu aspek penulisan Hadith.

Oleh yang demikian, bahagian ini akan cuba melihat sumbangan beliau dalam bidang hadith daripada dua aspek. Yang pertama adalah pandangan beliau terhadap hadith dan yang kedua adalah karya beliau dalam bidang hadith.

#### **2.3.3.1.Pandangan Al-Singkili Terhadap Hadith.**

Al-Singkili adalah ulama yang peka terhadap hadith. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini beliau merupakan ulama sufi yang menguasai ilmu syari'at dan hakikat. Dalam mengeluarkan sesuatu pendapat Al-Singkili sering menyertakan hadith untuk menguatkan hujah-hujah beliau. Hal ini terbukti dalam karya tasawwufnya yang bertajuk *Tanbih Al-Mashî*. Beliau menyatakan;

فافهم وتمسك بالقرآن العظيم وسنة رسول الله الكريم تهتد وتبثت على صراط الله المستقيم.

Fahami dan berpegang teguhlah kepada al-Qur'an dan sunnah Rasul yang mulia, nescaya engkau mendapat petunjuk dan tetap berada pada jalan yang lurus.<sup>65</sup>

---

Kawasan: *Potret Keberagaman Masyarakat Aceh*, Banda Aceh: Ar-Raniri Press, h. 304. Bandingkan Ali Hasjmy (1981) "Nafas Islam dalam Kesusastraan aceh" dalam *Dari Sini Ia Bersemi*, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an tingkat Nasional ke 12 tahun 1981 Banda Aceh, h. 261.

<sup>65</sup> *Tanbih Al-Mashi* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 96 dan 97.

Kemudian Al-Singkili mendatangkan satu Hadith Rasul;

قال نبى صلی اللہ علیہ وسلم: إِنی ترکت فیکم کتاب اللہ وسنتی فاستنبطوا القرآن  
بسنتی فإنہ لن تعما ابصارکم ولن تزل اقدامکم ولم تقصرا ایدیکم ما أخذتم بهما

Nabi Shalallahu Alaihi wa Sallam bersabda: “Aku tinggalkan dua perkara bagimu, iaitu kitab Allah dan sunnahku, maka jelaskanlah Al-Qur'an dengan sunnahku, karena matamu tidak akan buta, kakimu tidak akan terpeleset, dan tangamu tidak akan putus selama kamu berpegang teguh kepada keduanya.”<sup>66</sup>

Sebagai bukti bahawa Al-Singkili mengambil berat hadith dalam berargumentasi dan dalam menyampaikan pengajarannya adalah seperti ketika beliau menjelaskan tentang ajaran moral. Sabda Nabi;

الْمُسْلِمُ أَخْوُ الْمُسْلِمِ لَا يُظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخْيَهُ كَانَ اللَّهُ فِي  
حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَجَ عَنِ الْمُسْلِمِ كُرْبَةً فَرَجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ  
سْتَرَ مُسْلِمًا سْتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Seorang muslim adalah saudara muslim lainnya, ia tidak boleh menganiaya dan mensia-siakannya. Barang siapa yang membantu keperluan saudaranya, nescaya Allah akan membantunya, barangsiapa melapangkan kesulitan orang Muslim, nescaya Allah akan melapangkan kesulitan-kesulitannya pada hari kiamat, dan barangsiapa menutupi aib seorang muslim, nescaya Allah menutupi aibnya pada hari kiamat.<sup>67</sup>

Juga tentang zikir *lailaha illa Allah*. Sabda Nabi s.a.w;

لَتَدْخُلَنَ الْجَنَّةَ كُلَّكُمْ إِلَّا مَنْ يَأْبِي وَشَرِدَ شَرُودَ الْبَعِيرَ عَنْ أَهْلِهِ فَقِيلَ يَارَسُولَ اللَّهِ مَنْ  
الَّذِي يَأْبِي قَالَ مَنْ لَمْ يَقُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَأَكْثَرُوا مِنْ قَوْلٍ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مَنْ قَبْلَ أَنْ  
يَحَالَ بَيْنَكُمْ وَبِيهِنَا كَلْمَةُ التَّوْحِيدِ وَهِيَ كَلْمَةُ الْإِحْلَاصِ وَهِيَ كَلْمَةُ التَّقْوِيَّةِ  
وَهِيَ كَلْمَةُ الطَّيِّبَاتِ وَهِيَ دُعَوةُ الْحَقِّ وَهِيَ الْعُرْوَةُ الْوُثْقَى وَهِيَ ثُنَّةُ الْجَنَّةِ.

Kalian semuanya pasti akan masuk syurga, kecuali orang yang membangkang dan mlarikan diri, bagaikan seekor unta yang mlarikan diri daripada tuannya. Lalu nabi ditanya: Ya Rasulullah! Siapakah orang yang membangkang itu? Nabi menjawab: iaitu orang-orang yang tidak mahu mengucapkan kalimat *lailaha illa Allah*. Oleh kerana itu perbanyaklah ucapan *lailaha illa Allah* tersebut sebelum ada penghalang antara kalian dengan kalimat tersebut, kerana selain sebagai kalimat tauhid, zikir tersebut

<sup>66</sup> *Tanbâh Al-Mâshîhâ* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 96-97.

<sup>67</sup> *Tanbâh Al-Mâshîhâ* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 80-81.

juga kalimat ikhlas, kalimat taqwa, dan kalimat yang baik (tayyibah). Ia juga merupakan ajakan terhadap kebenaran, tali yang kuat serta alat penukar syurga.<sup>68</sup>

Begitu juga perasaan hairan sebagai puncak tertinggi mengenal Tuhan. Beliau mengutip do'a Rasulullah;

وقال في دعائه صلي الله عليه وسلم: رب زدني فيك تحيرا يعني تحيرا من توالي تخلياتك وكثرة تقلبات ذاتك في شعونك وصفاتك.

Berdo'a Rasul Shalallahu Alaihi wa Sallam: "Ya Tuhanku, tambalah kepadaku kebingungan atasMu, yakni bingung dari tajalliMu yang tidak ada henti-hentinya, dan dari banyaknya perubahan zatMu dalam segala tindakan dan sifatMu."<sup>69</sup>

Selain itu, al-Singkili memberi perhatian terhadap aspek sanad yang diterapkan dalam penyebaran tariqahnya sama ada syathariah atau pun Qadariah. Seperti mana yang beliau rekodkan dalam karya *Tanbâh al-Mâshâ*<sup>70</sup> dan *Kifâyah al-Muhtâj*<sup>71</sup>.

Meskipun demikian, Al-Singkili tidak mengambil berat tentang aspek penulisan hadith. Dapat ditemui dalam karya-karya beliau tidak dinyatakan sumber hadith dan perawinya serta status hadith tersebut.<sup>72</sup> Keadaan tersebut merupakan tradisi yang dilakukan oleh ulama'-ulama' Nusantara ketika menukilkan hadith. Ini tidak bererti Al-Singkili tidak memahami ilmu ini. Sedangkan guru-guru Al-Singkili majoritinya adalah mufti beberapa negara dan juga seorang muhaddith seperti keluarga Ja'man.<sup>73</sup>

### **2.3.3.2.Karya al-Singkili dalam bidang Hadith.**

<sup>68</sup> *Tanbâh Al-Mâshâ* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 110-111.

<sup>69</sup> *Tanbâh Al-Mâshâ* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 104-105.

<sup>70</sup> *Tanbâh Al-Mâshâ* dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 158-159.

<sup>71</sup> *Kifâyah al-Muhtâj* MSS. 2466 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 93-94.

<sup>72</sup> Lihat pada bab IV Metodologi penyusunan dan penulisan hadith dalam *Mawa'iz Al-Badi'*.

<sup>73</sup> Lihat bahagian guru-guru Al-Singkili pada bab ini halaman 30. Juga Pouneh Daly (2003) *Op.Cit.*, h.18-19.

Azyumardi Azra dalam bukunya menyebut bahawa Al-Singkili memiliki dua karya dalam bidang hadith. Dua karya tersebut memantapkan keilmuan Al-Singkili dalam bidang ini. dua karya tersebut adalah *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* dan *MawÉ'iD Al-BadÊ*.

**a. *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ***

Sepertimana telah dinyatakan di atas, karya tersebut adalah karya Al-Singkili. Sepertimana tertulis dalam muqaddimah karyanya, beliau menyatakan;

قال الفقير الواثق بالله الملك الجلي الشیخ عبد الرؤوف ابن علی

Telah berkata fakir yang berpegang teguh kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Shaikh Abd Rauf anak Ali.

هذا شرح لطيف على أربعين حديثا للإمام النووي

Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh Hadith bagi karangan Imam Nawawi telah dikasihannya Allah Ta’ala juga kiranya akan dia.<sup>74</sup>

Penyusunan karya ini dilakukan atas perintah Sultanah Inayah Syah Zakiyatuddin. Kandungan karya ini adalah diambil daripada karya Sheikh Sa’duddin al-Taftazani. Dalam hal ini Al-Singkili menerjemahkan syarah Sa’duddin al-Taftazani ke dalam bahasa Jawi Pasai.<sup>75</sup> Tidak ditemui tahun penyusunannya tetapi tercatat tahun siap disalin. Seperti tertulis;

“Tamat karangan al-Faqir Shaikh Abd Rauf bin Ali Bandar Aceh Dar al-Salam hari Selasa bulan Safar 1091 H”<sup>76</sup>

Walaupun demikian, menurut Ahmad Baha’ karya ini adalah karya hadith 40 pertama di Nusantara yang ditulis dalam bahasa Melayu. Karya ini adalah hasil

<sup>74</sup> *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* dalam Ahmad Baha’ bin Mokhtar (2008) “*Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* Karangan Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Kajian Teks” Disertasi Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 73.

<sup>75</sup> *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* dalam *Ibid.*, h. 74.

<sup>76</sup> *Sharí LatÊf 'AlÉ 'Arba'Êna HadÊthan lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÊ* dalam *Ibid.*, h. 66.

terjemahan secara harfiah daripada karya Al-Taftazani. Walaupun demikian Al-Singkili juga memberikan tambahan penjelasan terhadap huraian Al-Taftazani. Penjelasan-penjelasan yang diberikan Al-Singkili adalah bercorak tasawwuf.<sup>77</sup> Hal ini kerana perbahasan tasawwuf adalah perbahasan yang diminati oleh masyarakat pada masa tersebut. Tambahan pula, isu-isu keagamaan yang berpunca daripada ajaran-ajaran tasawwuf menjadi perbincangan ramai.

Dalam kajian yang dibuat, Ahmad Baha' mendapati bahawa terdapat 103 hadith dalam karya tertsebut. 79 hadith ditemui rujukannya manakala 24 hadith tidak ditemui rujukannya. Selain itu, majoriti hadithnya adalah shahih iaitu sebanyak 63 hadith. Manakala Hasan 7 hadith, Da'Ef 7 hadith dan Mau'lu' 2 hadith.<sup>78</sup>

Daripada aspek penulisan hadith, Al-Singkili menulis matannya dengan tepat. Manakala dari aspek sanad, Al-Singkili tidak menyebut keseluruhannya. Tetapi beliau menyebut perawi hadithnya kemudian memotongnya hingga sahabat. Seperti mana Hadith yang keenam belas;

#### الحادي عشر السادس:

عن أبي هريرة رضي الله عنه : أن رجلاً قال للنبي صلى الله عليه و سلم أوصني قال ( لا تغضب ) . فردد مراراً قال ( لا تعصب ) . رواه البخاري.<sup>79</sup>

Hadith yang keenam belas:

Ceritera daripada Abi Hurairah r.a. bahwasanya seorang laki-laki berkata ia bagi Nabi SAW: Pesan olehmu akan daku ya Muhammad! Maka sabda Nabi SAW: Jangan engkau Amarah! Maka diulanginya tanyanya itu beberapa kali. Maka sabda Nabi SAW: Jangan kau amarah! Telah meriwayatkan Hadith ini Bukhari.<sup>80</sup>

Juga dalam penulisan Hadith yang kedua puluh tujuh;

<sup>77</sup> *Ibid.*, 70.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 284.

<sup>79</sup> Muhammad bin Isma'il Abu Abdullah Al-Bukhari (1987) *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab hadith no. 5672. h. 2240.

<sup>80</sup> *Sharí Lat̄ef 'Alé 'Arba'Éna Had̄ethan l̄ Al-Im̄Ém Al-NawÉwÉ* dalam Ahmad Baha'bin Mokhtar (2008) *Op.Cit.*, h. 178.

الحاديـث السـابع والعـشرون:

قال التـواس بن سـمعان رـضي الله عـنه عن النـبـي صـلـي الله عـلـيه وـسـلم قال: الـبـر حـسـنـ الـخـلـقـ.

Hadith yang kedua puluh tujuh:

Ceritera daripada Nuwas anak Sam'an r.a. ia mendengar daripada Nabi SAW telah bersabda ia: Bermula kebaikan itu perangai yang baik.

Ertinya sebesar-sebesar segala perkara kebaikan itu perangai baik. Kata Tirmidhi Rahimahullah Alaihi: dikehendaki dengan kebaikan disini pergi datang kepada segala keluarga, dan memberi sedekah dan berbuat segala ta'at menghimpunkan dia baik perangai. Dan kata Tayyib Rahmatullah Alaihi: bahawasanya telah ditafsirkan kebaikan yang tersebut dalam Hadith itu dengan iman, dan tempat yang lain dengan barang yang mendampingkan dikau kepada dan adalah sekalian tafsir itu berhampir-hampir juga.

وَالِّإِيمَنُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطْلَعَ عَلَيْهِ النَّاسُ

Dan dosa itu barang yang bergerak dan syak di dalam hatimu serta benci engkau akan bahawa diketahui oleh manusia atasnya.

رواہ مسلم<sup>81</sup>

Telah meriwayatkan Hadith ini Muslim.<sup>82</sup>

### b. *Mawa'iz Al-Badi'*

Wan Mohd. Saghir menyatakan bahawa corak pengajaran dalam karya ini adalah ajaran tauhid dan tasawwuf. Ajaran-ajaran tersebut diambil daripada perkataan Allah, Rasul, Sahabat, Wali Allah dan Hukama'. Perkataan Allah yang termaktub dalam karya ini bukan sahaja ayat Al-Qur'an, tetapi bercorak Hadith Qudsi yang dimulakan dengan perkataan Hai anak Adam. Sepertimana Hadith dalam pengajaran yang keenam;

يـا بـنـ اـدـمـ، إـنـ أـولـكـمـ وـاـخـرـكـمـ وـحـيـتـكـمـ وـمـيـتـكـمـ وـصـغـيرـكـمـ وـكـبـيرـكـمـ وـحـرـكـمـ وـعـبـدـيـكـمـ وـاـنـسـكـمـ وـجـنـكـمـ اـجـتـمـعـواـ عـلـىـ طـاعـتـيـ ماـ [زادـ] ذـلـكـ فـيـ مـلـكـيـ مـثـقـالـ ذـرـةـ.

Hai Anak Adam, Jikalau bahawasanya awal kamu dan akhir kamu, dan manusia kamu dan jin kamu, dan orang yang mati kamu dan orang yang hidup kamu, dan yang kecil kamu dan besar kamu, dan yang merdeka kamu

<sup>81</sup> Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim Abu Al-Husayn al-Naysaburi (t.t.) *Sahih Muslim*, no. 6680, j. 8.

<sup>82</sup> Sharí Lat̄f 'AlÉ 'Arba'Êna Had̄than lÊ Al-ImÉm Al-NawÉwÉ dalam Ahmad Baha'bin Mokhtar (2008) *Op.Cit.*, h. 267-268.

dan segala yang hamba kamu muwafaqah berhimpun mereka itu semuanya atas perbuatan ta'at akan Daku, nescaya tiada menambah oleh yang demikian pada kebesaranKu dan kerajaanKu seberat dhurrah juapun.

Hadith ini dalam riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah lafadznya;

يَا عَبْدِي لَوْ أَنْ أُولَكُمْ وَآخْرُكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجْنَكُمْ كَانُوا عَلَى أَنْقَى قُلْبٍ رَجُلٌ وَاحِدٌ  
مِنْكُمْ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا.

Hai Hambaku, Jikalau bahwasanya awal kamu dan akhir kamu, manusia <sup>83</sup> kamu dan jin kamu

Juga dalam pengajaran yang kedua puluh satu;

يَا ابْنَ آدَمَ، تَفَرَّغْ لِعِبَادَتِي أَجْلَاءُ قَلْبَكَ نُورًا وَ[أَبْارِيكَ] لَكَ فِي رِزْقِكَ.

Hai anak Adam, selesaikan oleh kamu akan dirimu bagi berbuat ibadah akan Daku, nescaya Aku penuh akan hatimu dengan nur. Dan Aku beri berkah bagimu pada rezekimu.

Ditemui dalam riwayat Imam al-Tirmidzi daripada Abu Hurairah lafaz Hadith;

يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى : يَا ابْنَ آدَمَ تَفَرَّغْ لِعِبَادَتِي أَمْلَأْ صَدْرَكَ غَنِّيًّا، وَأَسْدِّ فَقْرَكَ، وَإِنْ لَمْ تَفْعُلْ مَلَأْ  
صَدْرَكَ شَغْلًا وَلَمْ أَسْدِ فَقْرَكَ.<sup>84</sup>

Berkata Allah Ta'ala: Hai anak Adam, selesaikan oleh kamu akan dirimu bagi berbuat ibadah akan Daku nescaya

Selain Hadith Qudsi seperti di atas dalam karya ini Al-Singkili juga mengambil Hadith-

Hadith Rasul. Seperti pengajaran yang ketiga puluh lapan;

Dan lagi sabda Nabi Shalallahu 'Alaihi wa Sallam;  
Barang siapa redha daripada Allah Ta'ala dengan sedikit daripada rezeki  
nescaya redha Allah Ta'ala daripadanya dengan sedikit amal daripadanya.

Dalam riwayat Imam Al-Baihaqi daripada Ali bin Abi Thalib lafaz Hadith;

<sup>83</sup> Al-Imam Abi Al-Husain Muslim Ibn Al-Hajaj bin Muslim Al-Qanbari Al-Naisaburi (1998) *ØaÍÉí Muslim*, Kitab Al-Birri wa Al-Øillah wa Al-Adab, Bab TaÍrÊm Al-Öulm, Hadith no. 2824, Al-Riyadh, Dar Al-Salam, h. 1228.

<sup>84</sup> Abu 'Isa Muhammad bin Saurah (1999) *Al-JÉmi' Al-ØaÍÉí wa huwa Sunan Al-TirmÉdhÉ*, Mustafa Muhammad Husain Al-Dhahabi, Juzu' 4, Kitab Sifah Al-QiyÉmah wa Al-RaqÉiq wa Al-Wara', Hadith no. 2466. Kairo: Dar Al-Hadith. H. 320.

وَمِنْ رَضِيَ بِالقَلِيلِ مِنْ الرِّزْقِ رَضِيَ اللَّهُ مِنْهُ بِالقَلِيلِ مِنَ الْعَمَلِ

Dan barang siapa redha daripada Allah Ta'ala dengan sedikit rezeki nescaya redha Allah Ta'ala daripadanya dengan sedikit amal daripadanya<sup>85</sup>.

Juga dalam pengajaran yang keempat puluh empat;

Sabda Nabi Øalallahu Alaihi wa Sallam di dalam *JÉmi' al-ØaghÉr*:

احذروا زلة العالم فإن زلته تكبّبه في النار

Takutkan oleh kamu akan tergelincir orang yang alim, maka bahawasanya tergelincir itu dibalik akan dia atas kepalanya dan dibawahkan akan dia bagi muka dan dicampakkan akan dia kepada pintu neraka jahanam.<sup>86</sup>

Daripada beberapa contoh di atas, dapat dilihat bahawa himpunan Hadith dalam karya ini terdiri daripada Hadith Qudsi dan Hadith Rasulullah. Hadith Qudsi memiliki jumlah yang lebih banyak jika dibandingkan dengan Hadith Rasulullah. Ianya ditemui dalam pengajaran yang pertama hingga pengajaran yang ke tiga puluh dua. Manakala selebihnya, pengajaran dalam karya ini adalah mengandungi Hadith Rasulullah seperti pada pengajarang yang ketiga puluh tiga, tiga puluh lima, tiga puluh lapan, empat puluh dua, empat puluh empat, empat puluh lima, dan lima puluh.

Dalam penulisan Hadith, karya ini mempunyai karakteristik yang tersendiri daripada karya-karya Hadith sebelumnya. Seperti *HidÉyah Al-HabÉb fÉ al-TarghÉb wa al-TarhÉb* karya Nuruddin al-Raniri. Walaupun perbahasan di dalamnya mempunyai persamaan iaitu perbahasan mengenai pengajaran tauhid dan tasawwuf serta ditulis dengan bahasa Arab dan Melayu, namun karya ini disusun dengan menggunakan bab yang berbeza. Karya ini disusun dengan menggunakan bab pengajaran. Kemungkinan kaedah tersebut dapat memudahkan pembaca untuk memahami maksud kandungan setiap pengajaran serta menghafalnya. Walaupun demikian, penulisan sumber Hadith

<sup>85</sup> Imam Abu Bakar AÍmad bin Al-Husain Al-BaihaqÉ (1990) *Shu'ab al-ÔmÉn*, Ibn Hajar Muhammad al-Sa'id bin Basyuni Zaghlù (ed.), Juzu' 4, bab fÉ Íabr 'alÉ al-MaîÉib, faÎl fÉ dzikr mÉ fÉ al-aujÉ'i wa al-AmrÉÌ wa al-muÎÉbÉt min al-KafÉrÉt, hadith no. 10003, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah, h. 204.

<sup>86</sup> JalÉl al-DÉn Abu Al-FaÎl 'Abd Al-Rahman bin Abi Bakr Al-SuyËIÉ (2000) *Al-JÉmi' Al-ØaghÉr min xadÉth Al-BaÎÉrah wa Al-NaÎÉrah*, Muhammadi al-Damirdash Muhammad (ed), Juzu' 1, no Hadith. 244, Riyad : Maktabah Nazar Musthafa Al-Baz, h. 63.

tidak dijelaskan melainkan satu hadith yang dirujuk dari *JÉmi' Al-Shagh̄Er* karya Imam al-Suyūti.

#### 2.3.4. Bidang al-Qur'an dan Tafsir

Dalam pengembaraan ilmiahnya, selain mempelajari Ilmu Hakikat beliau juga mempelajari Ilmu Shari'ah. Dalam perjalannya sebelum sampai ke kota Makkah dan Madinah beliau telah mempelajari ilmu-ilmu shari'ah. Selain itu beliau juga mempelajari ilmu al-Qur'an. Iaitu ketika beliau berada di kota Zabid. Di sana Al-Singkili banyak menimba ilmu al-Qur'an daripada gurunya yang bernama 'Abd Allah bin Muhammad al-'Adani. 'Abd Allah bin Muhammad al-'Adani merupakan seorang *qāri'* al-Qur'an terbaik wilayah tersebut.<sup>87</sup>

Ketokohan Al-Singkili dalam bidang tafsir adalah kerana adanya karya beliau dalam bidang tafsir yang bernama Tarjuman Al-Mustafid. Beberapa ahli sejarah menyatakan bahwa ini adalah karya tafsir al-Qur'an pertama yang ditulis secara lengkap 30 juz yang di hasilkan oleh ulama Melayu. Karya tafsir tersebut ditulis dengan menggunakan bahasa melayu. Kandungan dalam tafsir tersebut terdapat beberapa pendapat. Antara pendapat tersebut adalah, karya tersebut merupakan terjemahan daripada *Anwār al-Tanzīl wa Asrār Al-Ta'wīl* karya al-Baidhawi (W. 1286). Ini adalah pendapat Snouck Hurgronje dan AH. Johns.<sup>88</sup>

Peter Riddle berpendapat, karya tersebut adalah karya kombinasi yang baik daripada penyusun hingga rujukan utama dalam penyusunannya. Daripada sumber rujukannya, terdapat penggabungan antara dua karya. Iaitu ulasan *Tafsīr al-Jalīlīn* yang menjadi sandaran maklumat dan yang *Tafsīr Al-Baīlāwi* dan *Tafsīr Al-Khāzīn* yang menjadi tambahan informasi. Dari segi penyusunannya, ianya merupakan gabungan

<sup>87</sup> Lihat Azyumardi Azra. *Op.Cit.*, h. 234.

<sup>88</sup> Syahrizal Abbas (2008) *Op.Cit.*, 24.

antara Abdul Ra'uf sendiri yang menyusun pokok karangan dan muridnya Daud Rumi menambah sisipan tentang keragaman bacaan yang terdapat pada beberapa ayat al-Qur'an.<sup>89</sup> Meskipun demikian, karya tersebut telah memberikan sumbangan yang sangat besar bagi pengajian tafsir di alam Melayu.

## 2.4.Kesimpulan

Nama sebenar Al-Singkili adalah Abdul Ra'uf. Beliau dilahirkan di wilayah Singkil, Aceh tahun 1615 M. Ayah beliau berketurunan Parsi dan ibunya berketurunan Melayu. Al-Singkili memulakan pendidikannya di madrasah tempat ayahnya mengajar. Setelah dewasa Al-Singkili melanjutkan pendidikannya di Timur Tengah. Beliau melakukan pengembalaan ilmunya di Timur Tengah selama 19 dengan guru-guru yang mahir dalam ilmu zahir dan ilmu batin. Akhirnya beliau mendapatkan Ijazah dari gurunya dan kembali ke Aceh untuk mengajar masyarakat melalui murid-muridnya.

Semasa Al-Singkili kembali ke Aceh, telah berlaku konflik dalam masyarakat. Konflik tersebut berkaitan isu politik dan isu keagamaan. Isu politik adalah berkenaan dengan pelantikan raja daripada kaum wanita. Isu keagamaan pula adalah kewujudan fahaman *Wujudiah Mulhid*. Dengan kepiawaiannya dan kedalamannya ilmu, Al-Singkili mampu menyelesaikan konflik tersebut. Oleh sebab itu Al-Singkili dilantik oleh Sultanah Safiatuddin sebagai *Al-QÉÌÈ Al-MÉlik Al- ‘Ódil*.

Selain menjadi seorang Qadhi, Al-Singkili juga seorang intelek yang mahir dalam ilmu-ilmu keislaman. Ketokohan beliau meliputi pelbagai bidang ilmu keislaman.

---

<sup>89</sup> Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay – Indonesian World Transmission and Responses*, Singapore; AD Graphic PTE LTD, h. 161, lihat juga, Nor Huda, *Op. Cit*, h. 347-348, juga. Catatan kaki Maritime h. 158.

Seperti ilmu tasawwuf, ilmu fiqh, ilmu hadith dan tafsir Al-Qur'an. Dalam bidang ilmu hadith beliau telah memberi sumbangan yang sangat besar. Antaranya adalah:

1. Beliau telah mendedahkan kepada masyarakat kepentingan hadith dalam ilmu pengetahuan. Kepentingan hadith sebagai sumber ilmu pengetahuan. Sebagaimana beliau selalu menjadikan hadith sebagai sandaran hujah setiap ajaran dan idea-idea beliau.
2. Beliau telah menyusun karya yang menghimpunkan hadith-hadith pilihan yang membincarkan tentang ajaran aqidah dan akhlak dengan corak ajaran tasawwuf. Karya tersebut boleh menjadi rujukan masyarakat dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Beliau telah menulisnya dalam bahasa Melayu agar mudah untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat luas.